

IMPAK PEMAJMUKAN DALAM HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA PASCA PEMBENTUKAN MALAYSIA: SUATU SOROTAN

Ayu Nor Azilah Mohamad¹

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

Mohamed Ali Haniffa²

Universiti Utara Malaysia

Wayu Nor Asikin Mohamad³

Kolej Universiti Bestari, Terengganu

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang impak pemajmukan dalam hubungan Malaysia dan Singapura pasca pembentukan Malaysia pada 16 September 1963. Perjanjian Malaysia ditandatangani di London pada 8 Julai 1963 antara kerajaan Britain, Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Kesemua negara yang disatukan telah bersetujuan nama Tanah Melayu ditukar kepada Malaysia. Pengisytiharan Malaysia dibuat pada 16 September 1963 secara serentak di seluruh negara. Hasil kajian kepustakaan mendapati bahawa keberadaan Singapura dalam Malaysia dilihat banyak menimbulkan isu perkauman sehingga membawa kepada pemisahan Singapura dari Malaysia pada 9 Ogos 1965. Masalah berkaitan etnik perlu ditangani dengan bijaksana agar tidak menjadi ancaman kepada perhubungan kaum dalam masyarakat majmuk di Malaysia.

Kata kunci: *Impak, pemajmukan, Malaysia, Singapura*

PENDAHULUAN

Secara rasminya tempoh penyertaan Singapura dalam Malaysia berlangsung hanya selama 23 bulan, akan tetapi hubungan sebenar antara kedua-dua wilayah ini telah

¹Pensyarah. Jabatan Kenegaraan dan Pengajian Ketamadunan, Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. ayunorazilah@kuis.edu.my.

²Pensyarah Kanan (PhD). Jabatan Pengajian Tamadun dan Falsafah. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah. Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. m.ali@uum.edu.my

³Pensyarah. Jabatan Pengajian Bahasa. Bahagian Pembangunan Usahawan dan Pengajian Bahasa. Kolej Universiti Bestari. Setiu. Terengganu. wayu@ucbestari.edu.my

berlaku secara semula jadi sejak awal sehingga ke hari ini. Namun, semenjak British mulai bertapak dan mentadbir kepulauan itu pada tahun 1819 telah berlaku beberapa perubahan. Singapura yang terletak di tengah-tengah rantau Melayu yang bertaut dari segi sejarah dan budaya dengan rantau itu telah bertukar wajah menjadi sebuah entiti Barat-kecinaan. Apabila menjelang kurun ke-20 nyata sudah kurang serasi dengan alam pemikiran dan budaya rantau Melayu-Nusantara.

Sejarah Penggabungan Tanah Melayu-Singapura

Gagasan penubuhan Malaysia pernah muncul di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Kesatuan Melayu Muda yang dipimpin oleh Ibrahim Haji Yaacob pernah bercita-cita untuk menggabungkan wilayah di kepulauan Melayu di bawah konsep Indonesia Raya atau Melayu Raya. Idea ini berterusan selepas Perang Dunia Kedua apabila Dr. Burhanuddin Al-Helmi yang menerajui Parti Kebangsaan Melayu Malaya juga mempunyai cita-cita yang sama. Atas sebab itulah apabila Perlumbagaan Malayan Union dilaksanakan di Tanah Melayu pada 1 April 1946 yang mengasingkan Singapura daripada Tanah Melayu telah menimbulkan penentangan dari penduduk dari penduduk Tanah Melayu terutamanya dalam kalangan orang Melayu (Kassim Thukiman, 2002:173).

Selain itu, cadangan awal untuk menggabungkan Tanah Melayu, Singapura dan wilayah Borneo mulai timbul sejak akhir abad ke-19. Pada tahun 1959, pemimpin Parti Tindakan Rakyat (PAP) di Singapura, Lee Kuan Yew mencadangkan Singapura bercantum dengan Tanah Melayu sebagai langkah bagi mendapatkan kemerdekaan. Sebelum itu, dua orang pemimpin terdahulu Singapura, David Marshall dan Lim Yew Hock pernah menyuarakan cadangan yang serupa. Cadangan Lee Kuan Yew ditolak oleh Tunku Abdul Rahman kerana percantuman itu dilihat boleh menimbulkan masalah sosial kerana kedudukan kaum yang tidak seimbang antara orang Melayu dengan orang Cina (Roslan Zainuddin, 2005:165) Penggabungan kecil yang hanya melibatkan Singapura dan Tanah Melayu juga melibatkan ancaman kepada politik Tanah Melayu apabila jumlah besar masyarakat Cina di Singapura boleh menggugat majoriti Melayu yang wujud pada waktu itu. Imbangan kaum seperti ini akan dipandang sebagai isu sensitif kepada masyarakat Melayu yang sebelum ini lebih ramai dan mempunyai suara (hak-hak istimewa) dalam Persekutuan Tanah Melayu. Selain itu, dikhawatiri juga ideologi komunis yang sedang hangat menular di Singapura akan merebak dengan mudah ke Tanah Melayu akibat penggabungan ini.

Idea pembentukan Malaysia tercetus pada 27 Mei 1961 melalui ucapan yang dibuat oleh Tuanku Abdul Rahman, Perdana Menteri Persekutuan Tanah Melayu dalam

persidangan *Foreign Correspondent Association of Southeast Asia* di Singapura. Dalam ucapan tersebut, Tuanku Abdul Rahman telah melahirkan idea untuk mewujudkan satu bentuk penyatuan ekonomi dan politik yang melibatkan Persekutuan Tanah Melayu dengan wilayah jajahan British iaitu Singapura, Borneo Utara (Sabah), Sarawak dan Brunei.

‘Sebagai satu bangsa, Malaya hari ini sedar bahawa dia tidak dapat berdiri sendiri dan hidup bersendirian. Di luar bidang politik antarabangsa, maka politik kebangsaan kita hendaklah didasarkan pada konsep yang luas. Lambat-laun Malaya akan dapat mencari persefahaman dengan British dan dengan rakyat-rakyat di wilayah Singapura, Borneo Utara, Brunei dan Sarawak.’ (Nik Anuar Nik Mahmud, 2001:31)

Tercetusnya idea ini atas kesedaran bahawa Tanah Melayu dan wilayah-wilayah terbabit sukar untuk berdiri sendiri dan berasingan terutama dalam menghadapi sebarang persaingan peringkat antarabangsa. Cadangan ini juga membawa maksud perlunya kerjasama antara penduduk wilayah-wilayah terbabit dari segi politik, ekonomi dan sosial yang sekaligus sanggup bekerjasama dengan kerajaan British dalam menjayakan pembentukan gagasan politik baharu di Asia Tenggara.

Idea pembentukan Malaysia ini telah mendapat perhatian wartawan-wartawan yang hadir pada hari tersebut dan telah menimbulkan pelbagai reaksi positif dan negatif di Asia Tenggara terutama di wilayah-wilayah yang terbabit. Akhbar-akhbar di seluruh Asia Tenggara juga turut membahaskan isu yang sama. Banyak pihak mendakwa bahawa idea pembentukan Malaysia oleh Tuanku Abdul Rahman ini adalah secara tergesa-gesa dan mengejut tanpa membuat persediaan awal. Sedangkan sebelum pengumuman dibuat, Tuanku Abdul Rahman telah mengadakan beberapa pertemuan bersama beberapa orang tokoh yang berkaitan dengan wilayah-wilayah terbabit (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2014:111).

Sedangkan sejak tahun 1957 lagi Tuanku Abdul Rahman tidak menghiraukan langsung tentang kedudukan Singapura tetapi pada kali ini beliau begitu sensitif dan berasa bimbang terhadap perkembangan politik Singapura yang tidak sihat. Tuanku Abdul Rahman bimbang dengan masalah yang dihadapi oleh Singapura. Tambahan pula, beliau khuatir pengaruh Barisan Sosialis akan menular ke Tanah Melayu yang jaraknya hanya tiga perempat batu dari selatan Semenanjung. Pada masa yang sama, Tuanku Abdul Rahman sangat bimbang Singapura akan menjadi *Cuba Keduadi Asia Tenggara*. Hal ini sangat berkait dengan dasar luar Malaysia yang dipraktikkan pada

zaman Tuanku Abdul Rahman amat jelas iaitu mengamalkan dasar probarat dan antikomunis. Dasar luar inilah yang mengubah pemikiran Tuanku Abdul Rahman agar turut sama terlibat dalam menyelesaikan masalah politik dalaman Singapura. Berdasarkan teori keselamatan, akhirnya Tuanku Abdul Rahman telah mempelopori penubuhan Malaysia melalui penyatuan wilayah dengan memasukkan Singapura ke dalam persekutuan Malaysia. Oleh yang demikian, *much can be said for Malaya's contention that Malaysia could prove to be a weapon against communism*. Pernyataan ini bersesuaian dengan suatu kesimpulan bahasa dasar luar Malaya pada jangka masa 1957-1963 adalah berdasarkan kepada suatu pendirian probarat oleh sebab kecenderungannya sama ada secara langsung mahupun tidak langsung kepada kuasa Barat dalam soal pertahanan dan keselamatan. Ekoran itu juga, Tanah Melayu berpegang kuat kepada dasar antikomunis (Kassim Thukiman, 2002:174).

Faktor Penggabungan Singapura Ke Dalam Malaysia

Tuanku Abdul Rahman mempertimbangkan banyak faktor apabila mengutarakan isu pembentukan Malaysia. Penggabungan Persekutuan Tanah Melayu dengan Singapura dipersetujui oleh banyak pihak. British sendiri bersetuju dengan gabungan ini kerana wujud banyak persamaan antara kedua-dua pihak dari segi sejarah, undang-undang, ekonomi dan kewangan. Tuanku Abdul Rahman sedar peluang ini boleh memberi kemerdekaan kepada Singapura lebih awal. Selain itu, banyak pendapat yang menyebut Singapura sebagai sebuah negara kecil dan tidak mampu untuk berdiri sendiri kerana dikelilingi jiran yang lebih besar seperti Persekutuan Tanah Melayu dan Indonesia. Kata-kata Tuanku Abdul Rahman:

‘Tuan David Marshall semasa dia menjadi Ketua Menteri di Singapura dulu, cuba hendak memujuk saya mengambil Singapura kerana pada fikirannya Singapura tidak boleh bersendiri-sendiri dan katanya sangat aib bagi Singapura terus-menerus menjadi tanah jajahan. Ketua Menteri yang satu lagi Tuan Lim Yew Hock yang semakan seminum dengan saya dan bolehlah dikatakan sebagai kawan baik saya, memujuk saya mengambil Singapura.’’ (Nik Anuar Nik Mahmud, 2001:74)

Gabungan dengan Singapura sebenarnya penting atas situasi politik dan keamanan. Parti Tindakan Rakyat/*People's Action Party* (PAP) di bawah pimpinan Lee Kuan Yew yang memerintah Singapura sedang mengalami kemerosotan. Situasi ini jelas apabila PAP kalah dalam pilihan raya kecil di kawasan Hong Lim dan Anson yang diadakan pada Mei dan Julai 1961. Kebimbangan ini lahir bukan sahaja akibat kemenangan Ong Eng Guan dari Parti Rakyat Singapura/*United People's Party* (UPP) di Hong Lim dan Parti Buruh di Anson, tetapi juga ekoran pengaruh pihak

sayap kiri dalam PAP sendiri. Kelompok ini telah berpecah daripada PAP dan membentuk Barisan Sosioalis. Jika situasi ini dibiarkan, dikhawatirkan kerajaan PAP diambil alih Barisan Sosialis. Situasi ini membimbangkan Persekutuan Tanah Melayu kerana hubungan baik dengan Singapura yang meliputi urusan-urusan politik dan ekonomi akan terjejas sekiranya PAP digulingkan. Kebimbangan yang lebih besar sebenarnya berkaitan dengan pengaruh komunis yang semakin menyusup ke dalam kelompok berhaluan kiri.

Sebelum ini akibat perkembangan fahaman komunisme, Persekutuan Tanah Melayu menganggap penggabungan dengan Singapura merupakan suatu tindakan yang berbahaya. Namun, setelah diadakan rundingan dengan Perdana Menteri Singapura dan British, didapati membiarkan Singapura menangani masalah itu sendiri lebih berbahaya dan menelan belanja yang besar. Cara terbaik untuk membendung ancaman komunis tersebut adalah bergabung dengan Singapura. Ini kata-kata Tuanku Abdul Rahman apabila beliau diminta menerima idea penggabungan Tanah Melayu-Singapura:

‘Tetapi saya katakan pada Tuan Lim Yew Hock, ini sangat berbahaya kerana Singapura boleh dikatakan sebuah negara China dan pentadbiran Singapura mestilah berlainan dengan yang ada di Malaya. Kalau kita cuba hendak memaksa Perlembagaan Malaya ke atas Singapura, boleh jadi tidak akan diterima oleh orang Cina di sana.

Encik Lew Kuan Yew mula capai kuasa di Singapura terang-terang dengan sokongan Komunis dan orang yang bersimpati dengan Komunis. Bila dia cuba hendak mentadbirkan Singapura dengan tidak mengikut dasar komunis, separuh daripada ahli-ahlinya telah berpecah daripada PAP. Pada saya bahayanya terang iaitu kita mesti mempunyai langkah untuk menyelamatkan Singapura daripada komunis.

Oleh sebab itu anggota-anggota Perikatan telah diminta membantu kerajaan PAP supaya jangan tumbang. Memanglah nyata, hanya satu jalan sahaja untuk mengelakkan Singapura daripada menjadi Cuba yang kedua, iaitu memasukkan Singapura ke dalam Malaysia. Saya beranikan juga dengan rancangan ini sungguhpun banyak di antara anggota-anggota parti saya menentangnya. Kita telah bekerja keras menggubal perlembagaan yang kita percaya memuaskan hati semua pihak. Selepas Singapura masuk Malaysia, Encik Lee Kuan Yew dapat dia tidak dapat kuasa ikut hatinya mahu sebagai

seorang Perdana Menteri dan mulalah kacau. Kita tidak pernah menyalahgunakan perlembagaan atau mungkir janji dengan Menteri-menteri Singapura dan kita harap Encik Lee Kuan Yew pun akan berbuat demikian juga, tetapi malangnya bila dia dapat tidak dapat kawan UMNO dan mentadbirkan kerajaan bersama-sama dengan UMNO, dia pun menentang kita. Kadang-kadang dia menggunakan politik perkauman.' (Nik Anuar Nik Mahmud, 2001:74-75)

Pada umumnya, penduduk Singapura berminat dengan konsep Persekutuan Malaysia. Singapura di bawah pimpinan Lee Kuan Yew dan Parti Tindakan Rakyat (PAP) menyambut baik rancangan Tuanku Abdul Rahman tersebut. Mereka juga dapat menyelamatkan PAP daripada ancaman pihak golongan kiri. Selain itu, pada dasarnya Parti Buruh Singapura bersetuju dari segi prinsip, tetapi menganggapnya sebagai suatu perkara yang sukar untuk dilaksanakan. Parti Rakyat Singapura/*United People's Party* (UPP) menentang gagasan Malaysia yang menyatakan rancangan Tuanku Abdul Rahman sebagai satu rancangan kerajaan British untuk mengekalkan pengaruhnya. Akhirnya, Lee Kuan Yew bersetuju memasuki Persekutuan Malaysia walaupun tidak dipersetujui oleh sesetengah parti berhaluan kiri yang tetap dengan pendirian mereka menentang gagasan Malaysia (Mardiana Nordin & Hassan Hussiin, 2014:118).

Impak Pemajmukan Dalam Hubungan Malaysia-Singapura

Sejak Singapura menyertai Malaysia, banyak perselisihan yang timbul antara kerajaan Singapura dengan kerajaan Persekutuan di Kuala Lumpur. Perselisihan ini menjadi semakin rumit dan melibatkan banyak isu yang tiada akhirnya. Malahan tidak mungkin untuk Singapura terus kekal dalam Malaysia tanpa menimbulkan suasana tegang yang boleh mencetuskan keganansan. Para pemimpin Malaysia terutama Tunku Abdul Rahman berpendapat lebih wajar Singapura berpisah daripada Malaysia sebagai jalan keluar terbaik untuk mengatasi pelbagai krisis yang timbul demi kepentingan perpaduan kaum, kestabilan ekonomi dan menghindarkan konflik politik yang berterusan.

i) Masalah perkauman

Hubungan antara UMNO dengan PAP menjadi semakin renggang akibat beberapa peristiwa yang berlaku di Singapura. Setelah menyertai Malaysia, orang Melayu di negeri itu 'berasa diri mereka diabaikan' dan kerajaan Singapura tidak mengambil tindakan untuk membaiki kedudukan mereka. Perasaan tidak puas hati semakin membara apabila pada awal bulan Mei 1964, penduduk di Jawa Road dan Palembang

Road telah diarahkan supaya berpindah ke penempatan baharu. Selain kawasan itu, perintah berpindah juga telah menjalar ke kawasan lain seperti Kallang West Coast dan Kampung Bendong. UMNO Singapura mengecam tindakan kerajaan PAP yang dianggap bertindak secara kejam dan pilih kasih. Dalam kenyataan yang diedarkan kepada ahli UMNO cawangan Rochore, Ketua Cawangan, Abdul Rahman Mohd. Din menganggap arahan berpindah yang dikeluarkan kepada penduduk Java Road dan Palembang Road sebagai ‘yang paling kejam sekali pernah dilakukan oleh kerajaan PAP terhadap orang Melayu’. Hal ini kerana penduduk di kawasan itu tidak diberi peluang untuk memikirkan cara perpindahan itu dan masa depan kehidupan mereka.

‘Ahli UMNO Rochore berasa bahawa meraka menjadi sasaran Kerajaan PAP bersama-sama dengan kapitalis bangsa Cina yang sedang merancang penindasan dan pengusiran terhadap orang Melayu dan tempat-tempat yang mereka sudah mendiaminya sejak datuk nenek mereka, sedangkan kawasan-kawasan lain yang terdiri dari bangsa Cina tidak pernah diberikan arahan pemindahan.

UMNO memperingatkan para kapitalis berkenaan dan kerajaan PAP supaya perbuatan sewenang-wenangnya untuk menindas hansa Melayu dalam negeri ini hendaklah dihentikan dengan segera, kalau tidak maka cita-cita yang dilaung-laungkan oleh Kerajaan PAP untuk menyatukan bangsa Malaysia pasti akan gagal (Nik Anuar Nik Mahmud, 2001:66).

Beberapa buah pertubuhan yang mewakili orang Melayu menemui Tunku Abdul Rahman untuk melaporkan perkara itu. Keadaan semakin rumit selepas Setiausaha Agong UMNO, Syed Jaafar Albar menuduh pemimpin PAP, Lee Kuan Yew cuba memecahkan perpaduan masyarakat Melayu di Singapura. Kerajaan Singapura sering mengecam golongan yang disifatkan sebagai ‘pelampau’ dalam kerajaan Persekutuan, terutama Syed Jaafar Albar yang dituduh oleh para pemimpin PAP sebagai bertanggungjawab menyebabkan tercetusnya rusuhan kaum di Singapura pada bulan Julai dan September 1964. PAP bertindak balas dengan mengadakan perhimpunan pada 19 Julai 1964 bagi menjawab segala tohmahan yang dilemparkan terhadap PAP dan Lew Kuan Yew sendiri menafikan dakwaan UMNO bahawa PAP menganaktirikan orang Melayu di Singapura. Beliau menegaskan bahawa PAP akan terus membela nasib orang Melayu di Singapura sejarar dengan kehendak perlombagaan (Nik Anuar Nik Mahmud, 2001:67).

Menurut Tuanku Abdul Rahman, gagasan pembentukan Malaysia perlu menggabungkan Sabah, Sarawak dan Brunei, bukan hanya terhad kepada Tanah Melayu dan Singapura sahaja. Jika Tanah Melayu dan Singapura sahaja bercantum, akan menghilangkan majoriti penduduk Melayu. Hal ini kerana Singapura mempunyai 80% penduduk bukan Melayu dan apabila bercantum dengan penduduk persekutuan Tanah Melayu, penduduk bukan Melayu akan menjadi golongan terbesar. Percantuman antara Tanah Melayu dan Singapura sahaja akan menjadikan peratusan masyarakat Cina menjadi 43.5%, sementara orang Melayu menjadi 43%. Apabila penduduk Sabah dan Sarawak diambil kira, bilangan kaum Bumiputera termasuk orang Melayu akan menjadi 46.3%, sementara orang Cina menjadi 42.4%. Ini bermakna, dalam usaha mengekalkan menjadi kaum majoriti, kemasukan Sabah dan Sarawak sangat penting (Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin, 2014: 115).

Lee Kuan Yew memperlihatkan kualiti diktatornya dengan cara beliau mengkritik Raja-raja Melayu dan Yang di-Pertuan Agong sebagai Ketua Negara Malaysia tanpa persetujuan rakan-rakannya dalam kabinet. Tuanku menegaskan sikap kalangan rakan-rakannya dalam kabinet Singapura tidak begitu *anti* kepada Raja-raja Melayu kecuali seorang atau dua orang ahli kabinet. Bagaimana mereka boleh membenarkan Lee Kuan Yew membuat kenyataan sedemikian yang menyakiti perasaan rakyat negara jiran yakni Malaysia. Ini jelas menunjukkan bahawa perlakuan Lee Kuan Yew seperti seorang diktator yang tidak berunding dengan rakan semasa beliau membuat kenyataan. Lee Kuan Yew telah membuat satu ucapan yang bukan hanya menghina dan menentang Raja-raja Melayu tetapi telah menyakitkan hati orang Melayu. Lee Kuan Yew menyifatkan Raja-raja Melayu sebagai pemimpin kaum yang hanya duduk di atas kerusi di Afrika, sementara rakyat India dan Afrika sudah menolak sistem raja mereka. Lee Kuan Yew menyatakan Malaysia masih mengamalkan sistem feudal dalam kerajaan yang dianggap tidak bersifat demokratik dalam suasana dunia moden. Tunku mempersoalkan niat Lee Kuan Yew mengkritik dengan membandingkan Raja-raja Melayu dengan Maharaja India dan ketua puak di Afrika. Menurut Tuanku, sekiranya Lee Kuan Yew berkuasa beliau akan menghapuskan semua Raja-raja Melayu (Rozeman Abu Hassan, 2016:253).

ii) Malaysian Malaysia

Hubungan Kuala Lumpur-Singapura kembali tegang apabila Lee Kuan Yew mengumumkan hasratnya untuk menubuhkan pakatan parti politik untuk menentang Parti Perikatan dalam pilihan raya umum ke-4 pada tahun 1969. Sikap para pemimpin politik di Singapura yang memperjuangkan konsep *Malaysian Malaysia* kurang disenangi oleh para pemimpin UMNO. Konsep ini seolah-olah mengeneplikan

isntitusi beraja dan mencabar kedudukan istimewa orang Melayu. Pada bulan Mei 1965, Lee Kuan Yew menubuhkan *Malaysian Solidarity Convention*(MSC) sebagai satu pakatan dalam kalangan parti pembangkang dengan slogan *A democratic Malaysian Malaysia*untuk menandingi Parti Perikatan. Beliau menyeru diwujudkan ‘persamaan hak bagi semua’ melalui satu ideologi politik, sosial dan ekonomi yang sama untuk semua kaum. Perlembagaan Negara akan dikaji semula bagi membasmi peruntukan yang dianggap bersifat diskriminasi terhadap kaum tertentu. Malahan Lee Kuan Yew juga mempersoalkan status orang Melayu yang didakwanya bukan anak jati negeri ini.

Kedudukan negeri-negeri di Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak dalam Persekutuan Malaysia juga ditimbulkan oleh para pemimpin Singapura. Mereka menggalakkan negeri-negeri itu menimbulkan soal perbezaan taraf ekonomi dan prinsip-prinsip perlembagaan yang telah dipersetujui sehingga sesetengah pemimpin di Sarawak, Sabah dan negeri-negeri lain bertindak balas. Memandangkan sebahagian besar pihak pembangkang terdiri daripada kaum bukan Melayu, keadaan ini seolah-olah mencerminkan penentangan mereka terhadap orang Melayu yang menguasai kerajaan. Keadaan yang berlaku bukan lagi berbentuk pertikaian antara PAP dengan UMNO, tetapi lebih menjurus rebutan kuasa politik antara kaum Melayu dengan bukan Melayu (Ruslan Zainuddin, 2005:175).

Ahli UMNO memandang serius terhadap penubuhan MSC yang berjuang bukan sekadar untuk menjatuhkan Perikatan tetapi untuk menghapuskan kedudukan keistimewaan orang Melayu dan bumiputera yang telah dijamin oleh Perlembagaan. Dengan itu tidaklah menghairankan apabila terdapat ahli UMNO yang mendesak supaya Lee Kuan Yew dikenakan tindakan ISA kerana mencetuskan ketegangan dalam masyarakat. Malah PAS turut mengecam Tuanku dan Dr. Ismail kerana gagal mempertahankan hak ketuanan Melayu.

Dalam menghadapi cabaran PAP dan MSC, Tuanku Abdul Rahman meminta ahli UMNO supaya tidak membesar-besarkan politik perkauman Lee Kuan Yew sebaliknya menangani isu ini secara demokratik. Semasa berucap di Perhimpunan Agung UMNO pada 15 Mei 1965, Tuanku Abdul Rahman perbuatan Lee Kuan Yew mencabar hak ketuanan Melayu sebagai melampau. Beliau juga mengulangi peringatannya kepada Lee Kuan Yew tentang pengorbanan UMNO dalam menerima Singapura ke dalam Malaysia walaupun dibantah oleh ahli UMNO sendiri termasuk juga oleh PAS. Yang paling mengecewakan Tuanku ialah apabila Lee Kuan Yew tanpa segan silu dan perasaan hormat, berani mengatakan bahawa ‘orang Melayu di

sini pun bukan anak jati negeri ini.’ Pada Tuanku, ‘Ini cakapan budak-budak.’ Tegas Tuanku, ‘kerana kita semua tahu bahawa menurut perlembagaan, kedudukan Raja-raja Melayu dalam negeri masing-masing ialah mengikut keturunan. Itu pun sudah cukup untuk menunjukkan bahawa orang Melayu adalah bumputera yang jati negeri ini.’

Tuanku menyeru orang Cina agar tidak terpengaruh dengan dakyah Lee Kuan Yew.

‘Orang Cina tahu semua perkara ini dan kalau mengatakan sama ada secara langsung atau tidak langsung yang orang Cina tidak diberi layanan adil, adalah tidak benar dan mereka tahu yang perkara itu tidak benar. Dasar UMNO dan rakan-rakan kita MCA dan MIC ialah bertimbang rasa dan adil kepada semua.’

Walau bagaimana pun Tuanku cukup kecewa dengan sikap Lee Kuan Yew yang tidak mengenang budi. Tuanku telah mengambil risiko tinggi apabila bersetuju untuk menyelamatkan Lee Kuan Yew dan PAP daripada komunis dengan menerima Singapura sebagai sebahagian daripada Malaysia. Tindakan nekad Tuanku ini telah dikecam bukan sahaja oleh PAS tetapi juga oleh ahli UMNO. Peringatan Tuanku bagaimana pun tidak dipedulikan oleh Lee Kuan Yew yang sebaliknya meneruskan kempen Malaysian Malaysia serta bertekad untuk memastikan MSC berjaya dalam pilihan raya umum bagi membolehkannya menumbangkan kerajaan Perikatan (Nik Anuar Nik Mahmud, 2001:74)

Lee Kuan Yew menjelaskan *Malaysian Malaysia* bermaksud negara dan negeri tidak dikenali dengan kekuasaan, kekayaan dan minat mana-mana masyarakat dan kaum yang tertentu. *Malaysian Malaysia* merupakan antithesis terhadap Melayu Malaysia, Cina Malaysia, Dayak Malaysia, India Malaysia, Kadazan Malaysia dan sebagainya. Hak istimewa dan undang-undang bagi masyarakat berbeza perlu dilindungi secara hak kolektif, minat dan tanggungjawab semua kaum. Lee Kuan Yew menjelaskan rakyat Malaysia tidak akan mengundi kepada Malaysia yang bukan demokratik dan mereka juga tidak akan mengundi untuk Malaysia yang memastikan kuasa ‘*hegemony*’ untuk satu kaum semata-mata. Lee Kuan Yew percaya bilangan rakyat yang mempercayai *Malaysian Malaysia* adalah besar dan pengaruh mereka cepat berkembang. Konsep *Malaysian Malaysia* yang dicanangkan oleh Lee Kuan Yew telah menyebabkan Malaysia dituduh sebagai sebuah kerajaan yang tidak baik kerana memberi peluang kepada satu bangsa sahaja dan menafikan hak orang lain. Semasa Tuanku berada di England dan Perancis, ramai wartawan luar negara yang menemui

Tuanku dan mereka mempunyai prasangka orang Melayu yang memerintah kerajaan pusat bertindak tidak adil kepada kaum yang lain. Kerajaan Pusat dituduh membezakan orang Cina dalam pelbagai perkara dan lapangan seperti penutupan Bank China menyebabkan peniaga kecil berbangsa Cina terpaksa menutup perniagaan mereka. Isu ini telah digunakan sebagai bukti Malaysia berlaku tidak adil kepada masyarakat bukan Melayu (Rozeman Abu Hassan, 2016:256).

iii) Perbezaan pendekatan parti Perikatan dan PAP

Pada 9 September 1963, Lee Kuan Yew menyatakan bahawa kegiatan politik PAP hanya terbatas di Singapura dan PAP tidak bercadang untuk mengambil bahagian dalam pilihan raya di Tanah Melayu dalam tempoh lima tahun selepas penyatuhan. Kemudiannya, PAP mengubah keputusan itu dan bertanding dalam pilihan raya umum di Tanah Melayu pada tahun 1964. Tunku Abdul Rahman menegaskan bahawa PAP tidak diperlukan di Tanah Melayu atas sifatnya sebagai sebuah parti perkauman Cina. Penglibatan PAP yang terlalu awal dalam kegiatan politik di Tanah Melayu menjelaskan perpaduan kaum terutamanya hubungan UMNO dengan MCA. Malahan, PAP dikatakan berminat untuk menggantikan MCA bagi mewakili kaum Cina dalam kerajaan Parikatan.

Parti Perikatan dan PAP mempunyai perbezaan pendekatan terhadap masalah perkauman di Malaysia. PAP berhasrat untuk mewujudkan masyarakat ‘bukan perkauman’ secara serta-merta dan berpendapat konflik timbul akibat wujudnya dua bentuk masyarakat yang berlainan. PAP berminat untuk berdebat secara terbuka dalam hampir semua isu politik dan melaksanakan dasar-dasar baharu dengan segera. Parti Perikatan terutamanya UMNO merupakan parti yang dibentuk dengan struktur perkauman berdasarkan masyarakat majmuk yang sedia wujud di Malaysia. Parti Perikatan berpendapat perbincangan secara terbuka tentang perbezaan kaum boleh mencetuskan ketegangan dan kekacauan. Perbezaan pendekatan dalam menghadapi isu-isu perkauman ini mencetuskan pergeseran antara Parti Perikatan dengan PAP.

Penggabungan Singapura dalam Malaysia telah menyelamatkan kedudukan politik Lee Kuan Yew di Singapura dan melepaskan tanggungjawab keselamatan British ke atas tanah jajahannya di Asia Tenggara kepada Malaysia. Malaysia telah dijadikan oleh British sebagai sebuah negara yang menanggung permasalahan yang berlaku di Singapura. Faktor komunis telah dijadikan alasan oleh British supaya Tanah Melayu mengambi alih tanggungjawab keselamatan ke atas Singapura. Kebimbangan Tuanku Abdul Rahman terhadap perkembangan pengaruh komunis di Singapura juga merupakan faktor pencepat kepada proses penggabungan antara kedua-dua negara

tersebut. British hanya bertindak sebagai orang tengah yang tidak bertanggungjawab ke atas segala permasalahan yang timbul. Apabila Singapura menghadapi masalah dalaman, British melihat perkara ini sebagai masalah bersama antara Tanah Melayu dan Singapura tetapi apabila Singapura menimbulkan segala permasalahan di Semenanjung Malaysia, British tidak membuat apa-apa tindakan malah tidak menghukum segala perbuatan Lee Kuan Yew yang merupakan anak emas kepada British. Sebaliknya British memberikan reaksi yang berbeza terhadap sesuatu isu yang berlaku antara Singapura dan Malaysia. Malah British begitu mengambil berat tentang Singapura kerana British mempunyai dua kepentingan iaitu pangkalan tentera British dan faktor ekonomi di Singapura.

Bagi menjayakan penggabungan kedua-dua negara Lee Kuan Yew telah menyediakan kertas cadangan penggabungan Singapura dalam Malaysia dikenali sebagai Kertas Putih. Namun begitu, cadangan pembentukan Malaysia telah mendapat bantahan yang hebat di Singapura dan juga di Persekutuan Tanah Melayu. Keadaan ini menyukarkan kedua-dua negara untuk merealisasikan cadangan pembentukan Malaysia menjelang tahun 1963. Penggabungan Singapura dalam Malaysia melibatkan tiga peristiwa penting iaitu laporan Suruhanjaya Cobbold, Referendum Singapura dan Operasi *Cold Store*. Ketiga-tiga peristiwa penting ini memperlihatkan peranan dan penglibatan British secara langsung dalam proses melaksanakan peristiwa tersebut sehinggahalah kepada proses membuat keputusan bagi Singapura dan Persekutuan Tanah Melayu (Rozeman Abu Hassan, 2016:194).

Pemisahan Singapura daripada Malaysia

Ketegangan hubungan antara Singapura dan Malaysia menjadi semakin serius berlanjutan beberapa bulan dalam tahun 1965. Wujud perbezaan yang tidak dapat dielakkan antara kerajaan Persekutuan sayap kanan dengan kerajaan Singapura sayap kiri. Keadaan ini disebabkan timbul pencapaian pandangan politik antara kedua-dua kerajaan yang menjadi semakin teruk oleh satu politik berkarakter Melayu dan satu politik berkarakter Cina. Pertentangan kaum yang terpadam di Malaysia telah membawa kepada perselisihan antara Kuala Lumpur dengan Singapura.

Selepas hampir dua tahun bergabung dalam Malaysia, pada 9 Ogos 1965 Singapura telah disingkirkan daripada Persekutuan Malaysia. Walaupun Tuanku amat berat untuk membuat keputusan mengeluarkan Singapura tetapi Tuanku tidak mempunyai pilihan dan jalan yang lain. Tindakan Lee Kuan Yew dan pemimpin PAP di Singapura yang sentiasa memburuk-burukkan kerajaan Persekutuan amat mendukacitakan. Setelah Singapura menyertai Malaysia, barulah karakter Lee Kuan

Yew yang sebenar diperlihatkan walaupun Tuanku telah berkali-kali dinasihatkan supaya tidak meneruskan niatnya untuk bergabung dengan Singapura. Lee Kuan Yew mula menyebarkan dakyah terhadap Malaysia dan mempersoalkan hak orang Melayu. Setiap perkataan dan kenyataan yang dibuat oleh Lee Kuan Yew amat menyakitkan hati Tuanku dan pemimpin kerajaan Persekutuan. Tun Razak menyifatkan Lee Kuan Yew sebagai ‘duri dalam daging’ kepada Malaysia. Malahan Lee Kuan Yew disifatkan sebagai Perdana Menteri Singapura yang tidak jujur dan mempunyai cita-cita besar untuk menjadi Perdana Menteri Malaysia.

Tuanku Abdul Rahman bersama Tun Razak telah berusaha untuk menyelamatkan hubungan Singapura dengan Malaysia tetapi keputusannya menghamparkan. Hal ini kerana Lee Kuan Yew dan konco-koncanya di Singapura tidak berasa bersalah di atas segala tindakan dan perbuatan mereka terhadap Malaysia sebaliknya menuduh perkara tersebut disebabkan oleh golongan ekstremis dan pelampau dalam UMNO. Lee Kuan Yew juga seolah-olah tidak bersalah kerana beliau mendakwa memperjuangkan persamaan taraf dalam sesebuah kerajaan ataupun negara. Bagi mencapai matlamatnya, Lee Kuan Yew telah melancarkan konsep *Malaysian Malaysia* dan menuduh kerajaan Persekutuan tidak berlaku adil kepada orang Cina dan kaum-kaum lain sebaliknya memberi keutamaan kepada orang Melayu sahaja. Tuanku menganggap tuduhan Lee Kuan Yew sebagai serius dan boleh mencetuskan api perkauman. Sekiranya kerajaan Persekutuan tidak mengambil tindakan ke atas Lee Kuan Yew besar kemungkinan akan berlaku huru-hara dan kacau bilau di kedua-dua negara. Keputusan Tuanku menyingkirkan Singapura adalah satu tindakan bijaksana yang dianggap oleh ahli Senat kerajaan Malaysia (Rozeman Abu Hassan, 2016:292).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, penyertaan Singapura dalam pembentukan Malaysia bersama-sama dengan Sabah dan Sarawak banyak mendatangkan manfaat kepada negeri tersebut. Akan tetapi sikap pemimpin Singapura, Lee Kuan Yew banyak merencatkan perhubungan antara Singapura dan Malaysia. Akhirnya, sehingga hari ini, Malaysia terdiri daripada Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak sahaja. Dalam konteks hubungan antarabangsa, Malaysia dan Singapura berusaha mewujudkan hubungan diplomatik demi kepentingan ekonomi, politik dan sosial masing-masing. Peristiwa 9 Ogos 1965 akan kekal menjadi sejarah di antara kedua-dua buah negara dan pembinaan negara bangsa demi kemajuan negara masing-masing tetap perlu diteruskan. Apatah lagi rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai kaum, budaya, dan agama yang dilindungi oleh Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Haji Ismail. 2007. *Malaysia; Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Faridah Jaafar. 2007. *Perdana Menteri dan Dasar Luar Malaysia 1957-2005*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kassim Thukiman. 2002. *Malaysia: Perspektif, Sejarah dan Politik*. Johor:Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Mardiana Nordin & Hasnah Hussiin. 20014. *Pengajian Malaysia Edisi Kelima*. Selangor: Oxford Fajar.
- Nik Anuar Nik Mahmud. 2001. *Duri Dalam Daging: Singapura Dalam Malaysia*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia.
- Rozeman Abu Hassan. 2016. *Dasar British Terhadap Hubungan Singapura-Malaysia 1959-1969*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ruslan Zainuddin, Mohd Mahadee Ismail, Zaini Othman. 2005. *Kenegaraan Malaysia*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.